

Keindahan alam semulajadi menarik pelajar-cang luar berkunjung ke negara ini.

Gambar hiasan

Khazanah alam sumber pendapatan negara

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Topik Sumber dalam subjek Geografi Tingkatan Lima diajar bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai jenis dan taburan sumber serta kepentingan dan kesan pengeluaran sumber.

Guru Cemerlang Geografi, Puan M Nirmala Devi, berkata selepas mempelajari topik berkenaan, pelajar sepatutnya dapat menyenaraikan dan menghu- raikan, membandingkan dan membezakan dengan contoh kepentingan pelbagai sumber.

"Melalui topik ini juga, pelajar diajar bagaimana menguruskan sumber dengan baik supaya ia mencukupi dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada ekonomi negara pada masa depan jika gagal diurus dengan betul.

"Seperti yang kita tahu, sumber terbahagi kepada dua iaitu sumber yang boleh diperbaharui dan sumber yang tidak boleh diperbaharui. Pengurusan sumber yang betul terhadap sumber yang tidak boleh diperbaharui sering ditekankan ketika sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) di dalam kelas," katanya.

Beliau yang kini bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 4, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor berkata



Gambar hiasan

Minyak salah satu sumber utama menyumbang pendapatan negara.

aspek pengurusan sumber juga sering dititik beratkan dalam PdP kerana terdapat banyak isu membabitkan aspek berkenaan berlaku dalam negara ini.

"Antara isu yang sering terjadi ialah pembalakan tidak terkawal yang menyebabkan hutan digondolkan, sekali gus menyumbang kepada berlakunya bencana tanah runtuh dan banjir.

"Kejadian banjir yang



Puan M Nirmala Devi

INFO

Jenis sumber terbahagi kepada dua:

1. Sumber yang boleh diperbaharui
 - Sumber alam yang boleh digunakan secara berterusan.

Antara contohnya ialah

- Sumber air
- Haiwan
- Sumber hutan
- Tenaga suria
- Tenaga angin
- Tanah

2. Sumber yang tidak boleh diperbaharui
 - Sumber yang akan kehabisan dan kepupusan jika digunakan secara berterusan.

- Bijih timah
- Batu granit
- Petroleum

berlaku di Cameron Highlands boleh dijadikan contoh pengurusan sumber dan penerokaan tanah yang tidak betul sehingga mendatangkan kerugian kepada banyak pihak," katanya.

pengurusan sumber alam

Puan Nirmala yang sudah berpengalaman mengajar subjek Geografi selama 26 tahun berkata, kesedaran pelajar terhadap pengurusan sumber yang baik pada hari ini masih kurang dan tidak ramai yang ingin mengambil tahu mengenai perkara berkenaan.

"Mereka tidak sedar kesan kehilangan sumber ini kepada negara terutama membabitkan aspek ekonomi, taraf kehidupan dan peluang pekerjaan pada generasi akan datang.

"Jika negara kehilangan sumber, ekonomi akan jatuh kerana kebanyakan sumber pendapatan negara bergantung kepada sumber dan sekiranya ekonomi jatuh, taraf kehidupan rakyat dan peluang pekerjaan juga akan terjejas," katanya.

Puan Nirmala berkata, Malaysia boleh mencontohi beberapa negara maju lain seperti Jepun dan Australia dalam menguruskan sumber.

"Berbanding Malaysia yang menggunakan kaedah pembinaan empangan untuk mendapatkan kuasa hidroelektrik sehingga perlu mengorbankan hutan yang ada, Jepun memilih untuk menggunakan kaedah tenaga solar yang boleh menjimatkan sumber hutan.

"Jika di Malaysia, pembeli rumah akan mengubah suai kediaman mereka sebaik mendapat kunci, Australia pula memberi peluang kepada pembeli rumah untuk mereka sendiri pelan rumah supaya tidak perlu mengubahsuai kediaman mereka apabila sudah siap kelak, sekali gus mengelakkan pembaziran simen yang diperbuat daripada batu kapur," katanya.

Apa kata mereka?



"SAYA MEMINATI BIDANG ALAM SEKITAR KERANA MENCERITAKAN MENGENAI USAHA PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN KAWASAN PENEROKAAN SUMBER YANG TERDAPAT DI NEGARA KITA"

Siti Nurbaya Muhd Nazir,
Pelajar SMK Seksyen 4, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor



"TOPIK INI SELAIN BERI MAKLUMAT MENGENAI KEPELBAGAIAN SUMBER YANG ADA DI DUNIA INI, TURUT MENYENTUH KESAN PENEROKAAN SUMBER TERHADAP ALAM SEKITAR"

Nur Najiha Azlan,
Pelajar SMK Seksyen 4, Bandar Kinrara, Puchong, Selangor



Gambar hiasan

Kesan daripada penerokaan hutan mengakibatkan banjir lumpur memusnahkan harta benda dan mengorbankan nyawa.